

## **PENDEKATAN KAUNSELING TEORI PEMUSATAN INSAN DALAM PROSES KAUNSELING :SATU ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**Nur Fadhilah bt Abdullah Fauzi<sup>a</sup>, Mariani Omar<sup>b</sup>**  
Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Perak, MALAYSIA  
[fadhilahfauzi@kuisas.edu.my](mailto:fadhilahfauzi@kuisas.edu.my)

### **ABSTRAK**

Cabaran dunia masa kini memerlukan kepada satu bentuk pendekatan yang praktikal kepada masyarakat khususnya di Malaysia. Kepelbagaian isu yang meruncing contohnya seperti masalah tekanan perasaan, masalah hubungan, isu rumahtangga, isu yang melibatkan masalah sosial dan lain-lain memerlukan kepada satu bentuk pendekatan antaranya ialah menggunakan kaunseling sebagai salah satu medium kepada konflik atau isu yang berlaku. Untuk mempraktikkan kaunseling kepada masyarakat perlu menggunakan teori kaunseling yang tertentu. Teori Pemusatan Insan adalah satu teori kaunseling yang diperkenalkan oleh Carl Rogers dan ia merupakan salah satu teori yang sering digunakan dalam perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep teori *Client Centered* dalam proses kaunseling yang bercirikan Islam. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif-kualitatif. Hasil kajian mendapati pendekatan konsep *Client Centered* dalam kaunseling mempunyai kelebihan yang tersendiri antaranya kerana pendekatan teknik yang ada dalam teori tersebut sesuai diaplikasikan kepada semua klien tanpa ada batasan agama dan kerana teori ini menggalakkan hubungan yang mesra di antara kaunselor dan klien dan sifat personaliti kaunselor yang bertepatan dengan prinsip Islam.

**Kata kunci** : Teori Pemusatan Insan dan konsep kaunseling Islam

### **PENGENALAN**

Dalam menjalani kehidupan sebagai manusia, pelbagai masalah dan kekalutan akan dialami oleh seseorang sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Apabila masalah yang menimpa tidak dapat dikawal, maka perlakuan negatif akan menguasai individu tersebut. Masalah yang dihadapi dalam diri individu sering menghimpit kehidupan. Ia amat memerlukan kepada bimbingan kerana jika ia dibiarkan sahaja akan menjadi masalah yang lebih kritikal. Dalam membuat penyelesaian masalah, ia boleh dilakukan secara praktikal dan juga secara emosi. Ini disebabkan terdapat beberapa masalah yang sukar dicari jalan penyelesaiannya tetapi sekurang-sekurangnya ia dapat membantu seseorang untuk memilih solusi terhadap konflik yang dihadapi.

Kaunseling adalah antara alternatif yang boleh digunakan dalam masyarakat khususnya Muslim kerana ia merupakan satu proses membantu manusia yang mana matlamatnya berkait rapat dengan falsafah kehidupan manusia yang inginkan kebaikan dan kesejahteraan sejagat. Selain daripada itu, kaunseling boleh membantu dalam pelbagai aspek kehidupan yang merangkumi konflik emosi, tekanan perasaan, masalah kewangan dan pelbagai masalah yang meruntun jiwa seseorang individu. Krisis yang berlaku dalam kehidupan jika tidak ada pengawalan dan bimbingan daripada pihak yang tertentu akan menyebabkan individu tersebut akan melakukan sesuatu tindakan yang berada diluar kawalan dirinya sehingga ada yang ingin mengambil jalan pintas dengan membunuh diri untuk menghilangkan tekanan yang dihadapinya

Menurut Blocher dalam Sabora Sipon (2002) kaunseling ialah proses interaksi yang menggerakkan pemahaman yang bermakna terhadap diri dan persekitaran yang boleh menghasilkan pembentukan matlamat dan nilai untuk tingkah laku pada masa akan datang. Kaunseling Islam menurut Ishamuddin (1993) ialah suatu proses hubungan yang berlaku secara bersemuka antara seorang profesional dan mempunyai kepakaran dengan seorang yang memerlukan bantuan (klien) sehingga terjadi hubungan keinsanan di mana berlaku penerokaan potensi diri klien untuk diperkembangkan. Antara matlamat yang ingin dicapai dalam kaunseling ialah memberikan keyakinan diri kepada seseorang yang berhadapan dengan ujian agar klien terus berusaha dan memberikan ketenangan jiwa dan harapan agar klien tidak berputus asa dalam kehidupannya (Sabri.1995)

Nasir (2008) menjelaskan bahawa untuk memberi takrif yang tepat dan komprehensif mengenai ilmu kaunseling dalam Islam agak sukar. Walaubagaimapun dalam Islam, ilmu kaunseling mempunyai skop yang sangat luas dan komprehensif. Antaranya ialah kaunseling merujuk kepada proses membantu seseorang mengenal dirinya sendiri (al-Quran,51:21,30:8), meneroka pelbagai aspek kelemahan, kekuatan dan potensi diri (al-Qur'an, 91: 7), dan menyedari tanggungjawab dan keupayaan untuk merubah dan memperbaiki keadaan diri dan persekitaran (al-Qur'an,13:11); proses membantu individu supaya bersikap positif terhadap rahmat Allah dan tidak mudah putus asa (al-Qur'an, 53: 39); proses memberi nasihat, bantuan, pertolongan, panduan, bimbingan, pengajaran dan sebagainya berdasarkan petunjuk atau wahyu dari Allah (agama Islam); proses merangsang individu melaksanakan suruhan-suruhan agama seperti ibadat dan doa sebagai salah satu cara terapi; dan proses membantu individu membuat keputusan berdasarkan petunjuk agama dan pengalaman akhlah bagi menyelesaikan sebarang kesulitan. Proses-proses tersebut bertujuan memimpin manusia mencapai kebahagiaan hidup duniawi dan ukhrawi. Inilah antara aspek-aspek penting kajian ilmu kaunseling dalam Islam dan sekaligus membuatkan ia agak berbeza dengan pendekatan-pendekatan kaunseling moden.

Menurut Othman (2005) kaunseling merupakan proses menolong yang melibatkan interaksi dua hala bagi rawatan spesifik untuk menyelesaikan masalah. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud :-

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri”.

(Surah ar-Rad:11)

Islam menggalakkan agar manusia membantu manusia yang lain untuk memperkembangkan potensi diri dan Islam menganjurkan manusia untuk menggunakan pendekatan berhikmah dalam menegur dan meningkatkan potensi dan perkembangan individu untuk terus membuat kebaikan dan menjauhi larangan Allah S.W.T seperti yang terkandung dalam Al-Quran.

Firman Allah yang bermaksud :-

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik”(An-Nahl:125)

Teori Pemusatan Insan diasaskan oleh Carl Rogers iaitu seorang ahli psikologi dan terapis di Amerika. Beliau membangunkan Teori Pemusatan Insan sejak beliau bekerja sebagai terapis dan melalui penglibatannya semasa bekerja di dalam bidang terapi membuatkan rogers mampu untuk membawa elemen-elemen tertentu mengikut pengalaman yang dialaminya sendiri dan juga pengaruh teori-teori lain ke dalam teori pemusatan insan (James C.Hansen e.t 1977) Teori yang dikemukakan oleh Rogers adalah menganggap manusia adalah aktif, mempunyai tujuan, matlamat, sedia memperbaiki diri, yang mana kesemuanya menggambarkan bahawa manusia mampu bertindak sendiri mengikut pembawaan semulajadinya. Menurut Carl Rogers, sendiri muncul hasil daripada interaksi organisma dengan persekitarannya. Ia menonjolkan nilai orang lain yang berbentuk positif ataupun negatif. Organisma akan bertindak mengikut ketentuan sendiri. ( Azizi Yahya et al. 2004)

Pandangan Rogers ini merupakan teori kaunseling tidak berarah. Dalam proses ini kaunselor meletakkan tanggungjawab asas untuk mencari penyelesaian kepada masalah klien. Kaunselor perlu membataskan perannya kepada pemberi maklumat yang diperlukan oleh klien seperti mengenai peluang pekerjaan atau hasil ujian minat, nilai dan kebolehan klien. Kaunselor yang tidak berarah cuba mengelakkan daripada mengelakkan daripada mencadangkan keputusan-keputusan atau penyelesaian supaya tanggung jawab akhir tetap berada dalam tangan klien (Scott & Susan.2008)

Dalam Islam, konsep tanggungjawab yang disarankan oleh Islam adalah bersifat dinamik bukan statik. Manusia Muslim dididik supaya melihat ke depan bukan ke belakang. Mereka hendaklah melihat realiti dan menganalisis tanggungjawab yang perlu dilakukan sekarang dan pada masa akan datang, bukan realiti yang telah berlaku dan pada masa akan datang (Mohd Nasir Omar,2004:93)

Maksud firman Allah :-

“Sesungguhnya kamu melalui tingkat demi tingkat (dalam kehidupan)” (Al’Inshiqaq,84:19)

Dalam mengharungi peringkat perubahan inilah Islam mewajibkan perubahan dan perbaikan keadaan diri dan hidup mereka bertepatan dengan firman Allah swt :-

“Sesungguhnya Allah tidak akan merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka sendiri merubah keadaan yang ada pada diri mereka”(Ar-Ra’d:11)

Teori Pemusatan Insan menekankan suatu pendekatan berbeza iaitu mewujudkan suasana penerimaan, aman damai dan kefahaman yang mana terapi pemusatan klien ini menumpukan perhubungan erat diantara kaunselor dan kliennya. Fungsi kaunselor hanya tertumpu sebagai pemudah cara dalam pembentukan sendiri dengan membantu klien menjumpai keupayaan dan kebolehannya sendiri untuk menyelesaikan masalah. Menurut beliau, manusia mampu untuk mencapai pertumbuhan mental yang positif apabila wujudnya suasana saling hormat-menghormati dan penuh kepercayaan. Menurutnya lagi, setiap individu ada kecenderungan yang semulajadi untuk memperkembangkan dirinya sendiri (Corey.2009)

Dalam Islam, setiap manusia mempunyai kelemahan terutamanya dua sifat yang tidak dapat dipisahkan iaitu bersifat lupa dan juga lalai. Kedua-dua sifat ini menunjukkan manusia amat memerlukan kepada petunjuk dan hidayah Allah (S.W.T). dengan wujudnya khidmat kaunseling dalam Islam dapat membantu klien yang berdepan dengan konflik yang dihadapi. Kaunseling merupakan antara bentuk psikologi gunaan yang berperanan untuk memahami tingkah laku manusia. Kaunseling yang berkembang di Barat setelah sekian lama menyebabkan pelbagai teori wujud yang mana ia menyumbang kepada kepelbagaian bentuk kaunseling yang boleh diaplikasikan kepada klien.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah deskriptif-kualitatif. Data-data dikumpul melalui kaedah kepustakaan iaitu dengan cara merujuk buku, tesis, kertas kerja seminar dan majalah yang boleh memberikan maklumat untuk memantapkan kajian ini. Kajian ini juga akan menggunakan maklumat daripada laman-laman web yang relevan untuk mendapatkan maklumat tambahan. Maklumat yang diperolehi untuk memahami teori yang diperkenalkan oleh Carl Rogers dan kaunseling menurut perspektif Islam.

## **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Dalam kajian ini perbincangan mengenai Teori Pemusatan Insan dan kaunseling dari perspektif Islam akan dibincangkan dan akan melihat aspek yang boleh diaplikasikan ke dalam proses kaunseling yang bercirikan Islam. Dalam kaunseling Islam, segala pendekatan dan matlamat dalam kaunseling Islam mempunyai hubungan yang kuat dengan ajaran yang ditetapkan dalam syariat. Apa yang jelas dalam kaunseling Islam mempunyai ketetapan yang tidak boleh dilanggar. Sebagai kaunselor Muslim, apa yang perlu dilakukan ialah memberikan khidmat dan bimbingan yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam manakala pendekatan kaunseling Barat berbeza diantara teori berdasarkan kepada pandangan tokoh pengasas teori.

Menurut Rogers, manusia adalah rasional, baik dan bertanggungjawab. Menurutnya lagi manusia dianggap membina, bekerjasama, boleh dipercayai, realistik dan boleh bersosial. Pandangan

Rogers tersebut tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Dalam konteks agama Islam, manusia merupakan makhluk yang dicipta oleh Allah SWT sebaik-baik kejadian dan memiliki keistimewaan yang tersendiri. Firman Allah SWT yang bermaksud :-

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baik kejadian”( At-Tin : 4)

Teori Pemusatan Insan mengutamakan klien dan melihat manusia sebagai insan yang berupaya untuk melakukan perubahan kepada dirinya. Prinsip-prinsip ini mengandungi 3 bahagian terpenting, iaitu : keadaan, proses dan hasil. Jika sesetengah keadaan wujud maka proses tertentu akan lahir atau perubahan dalam personaliti dan tingkah laku. Teori Pemusatan Insan banyak menekankan suatu pendekatan baru yang mewujudkan suasana penerimaan, aman damai dan kefahaman yang mana Teori Pemusatan Insan ini menumpukan perhubungan erat diantara kaunselor dan kliennya. Fungsi kaunselor hanya tertumpu sebagai pemudah cara dalam pembentukan sendiri dengan membantu klien menjumpai keupayaan dan kebolehannya sendiri untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh klien. (Corey.2009)

Amaluddin (2008) Islam melihat manusia bukan sahaja dalam bentuk fizikal tetapi juga dalam bentuk spiritual atau kerohanian yang mana dengan gabungan elemen-elemen ini membentuk tingkah laku dan personaliti manusia. Ulama Islam menjelaskan empat elemen utama dalaman manusia adalah seperti berikut iaitu Al-ruh, Al-nafs, Al-qalb dan Al-‘aql. Zainab Ismail (2006) menjelaskan bahawa manusia mempunyai kebebasan yang terbatas dan terikat kepada perintah dan takdir Allah. Kebebasan yang terbatas ini berlawanan dengan konsep kebebasan dalam pemusatan insan yang melihat manusia mempunyai kebebasan mutlak dalam menentukan matlamat hidupnya. Menurut Miskawayh(1966) dalam Nasir (2005), manusia dicipta daripada dua elemen penting iaitu jasad dan jiwa (al-nafs). Jiwa merupakan elemen ketuhanan yang dibekalkan oleh Allah ke dalam setiap jasad manusia, Manakala jasad pula dicipta oleh Allah daripada elemen material, tanah. Namun kedua-duanya saling bergantung dan tidak dapat dipisahkan. Jiwa menurutnya merupakan elemen kerohanian yang berada dalam diri seseorang manusia tetapi ia tidak dapat digarap oleh pancaindera.

Rogers tidak percaya bahawa kemahiran teknik dan latihan ada sumbangannya kepada kejayaan proses kaunseling. Sebaliknya beliau percaya bahawa sikap yang dipegang dan perhubungan dua hala oleh kaunselor adalah ramuan terpenting untuk membawa kejayaan kepada klien. Menurut Rogers, sejauh mana perubahan personaliti akan bergantung kepada :

- 1) Sejauh mana kaunselor berkeadaan kongruen dan ikhlas dalam perhubungan.
- 2) Sejauh mana kaunselor mengalami penerimaan positif tanpa syarat.
- 3) Sejauh mana kaunselor memperlihatkan kefahaman empati yang tepat mengenai rangka tujuan dalam diri klien.

Kongruen ialah merujuk kepada semua aspek pengalaman organismitik kaunselor pada masa sesi temu bual itu boleh dengan bebas di bawa dengan kesedaran dan bahawa konsep sendiri adalah kongruen dengan pengalaman itu. *‘Dia adalah dirinya’*. Kaunselor yang ikhlas adalah spontan dan menyatakan sikap dan perasaan yang mengalir dalam dirinya dengan terbuka, baik kepada perasaan yang selesai mahupun tidak. Kongruen boleh membantu melahirkan perasaan marah, kecewa, suka, bimbang dan sebagainya semasa proses perhubungan. *Genuine* pula adalah kejujuran kaunselor dalam menjalinkan hubungan dengan klien. Ahli terapi mestilah menerima klien dengan fikiran, tanggapan dan sikap terbuka. Kaunselor mestilah bersikap mesra dengan klien walaupun nilai-nilai yang dipegang oleh klien bertentangan dengan nilai-nilai kaunselor (Mearns and Thorne (1988:75) dalam Colin (1999) Ketulenan dan Kongruen (*Authenticity and congruence*) ialah merujuk kepada sifat asli yang ada dalam diri kaunselor. Ini bermakna kaunselor perlu bersikap jujur pada klien dan bertindak mengikut kemampuan diri dalam sesi kaunseling. Hal ini penting untuk membina kepercayaan dalam diri klien.

Berdasarkan kepada penjelasan mengenai sifat kongruen yang perlu ada pada seorang kaunselor menurut Carl Rogers bertepatan dengan konsep Islam.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud :-

“Oleh kerana rahmat Tuhan, engkau bersikap lemah lembut terhadap mereka, dan kiranya engkau berbudi kasar dan berhati bengis, nescaya mereka akan lari dari sekelilingmu”(‘Ali ‘Imran:159)

Dalam Islam, ketika menolong insan yang memerlukan (klien), kaunselor perlu memiliki sifat pemurah dan ramah. Berdasarkan kepada firman Allah tersebut menunjukkan bahawa sifat ini boleh memudahkan klien yang mengikuti sesi kaunseling tersebut.

Mohamed Sharif Mustaffa (1998) menyenaraikan sifat-sifat utama yang harus menjadi landasan kepada tugas seorang kaunselor Islam iaitu jujur dan ikhlas. Jujur atau benar bermaksud, bertutur atau memberitahu atau membuat sesuatu dengan sebenarnya. Kaunselor perlu jujur dengan klien dan juga dengan dirinya.

Menurut Rogers penerimaan positif tanpa syarat sangat penting dalam membina hubungan yang erat antara kaunselor dan klien semasa menjalankan proses kaunseling. Ini kerana, apabila wujud suasana yang baik diantara kaunselor dan klien proses akan menjadi lebih terapeutik dan klien akan merasakan dirinya diterima dalam sesi tersebut (Roslee e.t.2003:5). Penerimaan positif tanpa syarat ialah apabila kaunselor mendapati dia mengalami satu perasaan kemesraan menerima setiap aspek pengalaman klien sebagai sebahagian kehidupan klien, ini dikatakan bahawa dia sedang mengalami penerimaan positif tanpa syarat. Penerimaan ini menunjukkan tidak ada penilaian positif atau negatif dilakukan. Ia melibatkan penerimaan semua pengalaman klien sama ada berbentuk negatif ataupun yang positif. Kesemua perasaan ini, termasuk juga sama ada diri klien itu konsisten atau tidak, diterima sepenuhnya dengan mesra dan bukan secara menguasai atau pun kerana memenuhi keperluan kaunselor. Ini bermakna klien itu diterima sebagai insan yang tersendiri dengan kebenaran untuknya menerima perasaan dan pengalamannya sepenuh hati.

Kaunselor yang tidak berpusatkan kepada kaunselor ini memberi sepenuh tumpuan kepada keupayaan klien untuk memikul tanggungjawab membuat keputusan. Kaunselor membantu klien meneroka, memahami dan mendapat kesedaran terhadap persoalan hidupnya dan klien sendiri akan memilih alternatif perubahan yang dikehendaki setelah berbincang bersama dengan kaunselor. Ini bermakna klien merasakan dia sendiri yang bertanggungjawab menentukan hidupnya sendiri.

Empati ialah merujuk kepada kebolehan kaunselor untuk memasuki ruang rujuk atau dunia klien. Empati juga ialah proses membenarkan diri kaunselor mengalami proses mental dan emosi yang dialami klien sambil memahami dan menghayati pengertian daripada proses ini. Di dalam proses kaunseling, komponen ini penting bagi memudahkan kaunselor membantu klien menyelesaikan masalahnya. Kaunselor akan cuba mengalami perasaan klien seperti marah, takut atau serba salah sebagaimana dia yang mengalami walaupun dirinya sendiri tidak pernah mengalami konflik tersebut. Kaunselor perlu bersikap empati supaya dia dapat memahami perasaan klien dan tidak ragu dengan apa yang dimaksudkan oleh klien. Empati juga ialah kata-kata kaunselor sesuai dengan perasaan dan isi percakapan klien dan nada suara kaunselor menunjukkan dia begitu berusaha untuk berkongsi pengalaman klien. Antara prinsip empati ialah kaunselor merasakan emosi yang diekspresikan oleh klien kerana ia menggambarkan tingkah laku, pengalaman dan perasaan yang dialami oleh klien. Empati juga ialah kaunselor bertindak balas terhadap perasaan, emosi dan keadaan klien. (Corey.2009)

Sabariah Sirun (2003) mendefinisikan empati ialah keupayaan kaunselor memasuki dunia klien bagi mengalami dunia klien itu sendiri. Ia juga didefinisikan sebagai kebolehan kaunselor melihat ruang rujuk dalaman klien supaya dunia dan makna yang diutarakan klien dapat dikomunikasikan dengan tepat dan jelas. Shertzer dan Stone (1981) pula menjelaskan empati bermaksud kebolehan menyedari apa yang sedang berlaku dalam proses kaunseling, berdasarkan

tingkah laku verbal dan non verbal klien. Manakala Egan (1998), menyatakan empati sebagai satu kemahiran komunikasi yang membolehkan kaunselor mentafsir pemahaman mereka berdasarkan pengalaman, perlakuan dan perasaan yang ditunjukkan oleh klien.

Sapora Sipon (2003) menjelaskan empati bermaksud kaunselor dapat membayangkan kebimbangan klien, merasai pengalaman dan perasaan klien tanpa mengalami pengalaman klien yang sebenarnya. Empati merupakan suatu proses dimana kaunselor mempunyai keinginan untuk mengetahui dan mencapai maksud apa yang diperkatakan oleh klien. Klien merasa dirinya difahami oleh kaunselor (Richard Nelson Jones, 2005). Empati adalah apa yang dilihat oleh klien terhadap kemahiran kaunselor. Jika klien tidak dapat merasakan empati yang dilahirkan oleh kaunselor maka kaunselor itu tidak mencapai empati lagi.

Menurut Janet Tolan dan Susan Lendrum (1995), kepentingan empati dalam proses kaunseling adalah bagi menunjukkan pemahaman dan membantu klien merujuk terus pengalamannya pada masa kini. Dan membolehkan kaunselor memahami dan menyedari perubahan emosi diri sendiri dan klien. Hal ini dapat membantu kaunselor lebih memahami keadaan klien sewaktu sesi berjalan. Selain daripada itu, kongruen membolehkan kaunselor belajar memahami tanda-tanda yang menunjukkan emosi klien dalam sesi. Tanda-tanda tersebut meliputi kedudukan badan, ekspresi wajah, dan tona suara. Empati juga membantu klien meletakkan diri makna implisit ke dalam konsep-konsep yang betul pada tempat dan masa bersesuaian dan kaunselor memperbanyakkan kosa kata berkaitan untuk memudahkan kaunselor berkomunikasi mengenai perasaan dan emosi dengan golongan yang berlainan menggunakan kosa kata perasaan yang betul.

Dalam Teori Pemusatan Insan, kemahiran yang paling utama dalam teori ini ialah mendengar. Tumpuan yang penuh hendaklah diberikan kepada apa yang klien cakap sama ada secara lisan atau bukan lisan. Tumpuan atau perhatian merupakan prasyarat terhadap membantu. Pendengar yang aktif memberi maklum balas tentang apa yang diluahkan oleh klien dan kaunselor menggunakan perkataan sendiri untuk memberikan respon. Kemahiran ini sangat penting kerana ia memastikan kaunselor benar-benar memahami apa yang diperkatakan oleh klien dan membantu pendedahan sendiri klien. Mendengar dengan aktif memerlukan kaunselor bekerjasama di dalam proses komunikasi yang dijalankan. (Sapora Sipon et.2003)

Allah swt telah memberikan teknik untuk manusia menyelesaikan masalah yang dihadapi menggunakan Quran dan Sunnah. Kaunseling Islam telah lama digunakan dan mengandungi pelbagai pendekatan yang boleh diaplikasikan kepada pelbagai perspektif masalah yang dihadapi. Dalam Islam, teknik dan pendekatan yang digunakan perlulah berasaskan kepada prinsip kerahsiaan, kepercayaan, prinsip menghormati, menyayangi dan salah satu daripadanya ialah pendengar yang baik. Teknik yang digunakan ini adalah yang terbaik telah digunakan oleh Nabi Muhammad saw (Shadiya Mohamed.2011)

Kajian yang dilakukan oleh W.Aeshah (2013) dalam kertas kerja yang bertajuk *The Spiritual Competence Aspect in Counseling Service* merumuskan elemen spiritual memainkan peranan yang penting dalam proses kaunseling dan kaunselor perlu melengkapkan diri dengan persediaan yang baik untuk implementasi unsur-unsur spiritual semasa bersama dengan klien. Kajian ini disokong oleh Salasiah Hanin (2010) yang menyatakan bahawa penerapan elemen spiritual dalam kaunseling merupakan satu keperluan yang telah diiktiraf secara meluas oleh pengamal-pengamal kaunseling pada masa kini. Ini kerana pelbagai masalah yang dihadapi oleh manusia bukan sahaja berpunca daripada aspek lahiriah tetapi juga berpunca daripada aspek spiritual terutama yang bersangkutan dengan soal hati dan emosi.

Zainab (2006) menjelaskan Teori Pemusatan Insan mempunyai kesamaan dan juga perbezaan dengan pendekatan Islam. Teori ini mempunyai persamaan dalam konteks kedua-dua teori melihat manusia sebagai mempunyai fitrah yang baik dan penggunaan akal membolehkan manusia menuju ke

tingkat kehidupan yang lebih sempurna. Pandangan Zainab (2006) selari dengan pandangan Wan Abdul Kader dan Ismail (2006) yang menjelaskan konsep kesempurnaan yang dihuraikan oleh Rogers boleh dikaitkan dengan pandangan Islam mengenai manusia yang mempunyai kecenderungan untuk mencapai kesempurnaan sendiri.

Firman s.w.t yang bermaksud :-

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)(al-Tin:4)

Sapora (2005) menjelaskan keperluan agama dalam kaunseling. Menurutnya tokoh-tokoh kaunseling dan psikoterapi seperti Freud, Rogers, Ellis dan Skinner telah memisahkan agama dari disiplin ilmu kaunseling berdasarkan kepada prinsip tertentu. Tambah beliau, kewujudan Pastoral Counseling adalah bukti bahawa agama amat perlu dalam disiplin ilmu kaunseling.

Nasir (2008) menjelaskan bahawa untuk memberi takrif yang tepat dan komprehensif mengenai ilmu kaunseling dalam Islam agak sukar. Walaubagaimapun dalam Islam, ilmu kaunseling mempunyai skop yang sangat luas dan komprehensif. Antaranya ialah kaunseling merujuk kepada proses membantu seseorang mengenal dirinya sendiri (al-Quran,51:21,30:8), meneroka pelbagai aspek kelemahan,kekuatan dan potensi diri (al-Qur'an, 91: 7), dan menyedari tanggungjawab dan keupayaan untuk merubah dan memperbaiki keadaan diri dan persekitaran (al-Qur'an,13:11); proses membantu individu supaya bersikap positif terhadap rahmat Allah dan tidak mudah putus asa (al-Qur'an, 53: 39); proses memberi nasihat, bantuan, pertolongan, panduan, bimbingan, pengajaran dan sebagainya berdasarkan petunjuk atau wahyu dari Allah (agama Islam); proses merangsang individu melaksanakan suruhan-suruhan agama seperti ibadat dan doa sebagai salah satu cara terapi; dan proses membantu individu membuat keputusan berdasarkan petunjuk agama dan pengalaman akhiah bagi menyelesaikan sebarang kesulitan. Proses-proses tersebut bertujuan memimpin manusia mencapai *kebahagiaan* hidup duniawi dan ukhrawi. Inilah antara aspek-aspek penting kajian ilmu kaunseling dalam Islam dan sekaligus membuatkan ia agak berbeza dengan pendekatan-pendekatan kaunseling moden.

Kaunseling Islam juga dikaitkan dengan hisbah yang merupakan model kaunseling Islam. Ia merupakan satu konsep Shura yang sudah lama dalam Islam. Hisbah merupakan satu badan yang bertujuan untuk memperbaiki hubungan manusia antara satu sama lain untuk mencari keredaan Allah dan menolong manusia mencari sesuatu yang mendorong dan mengembangkan mereka dari segi jasmani,psikologi,sosial dan menjaga mereka daripada kerosakan,kesesatan dan kebinasaan.(Hassan Langgulung dalam Amaluddin Abd Rahman.2008)

Siti Zalikah Md Nor (2008) menyenaraikan beberapa pendekatan yang boleh digunakan dalam Hisbah semasa menjalankan proses kaunseling. Dalam Islam terdapat suatu kewajipan yang diamanahkan kepada manusia dan kewajipan tersebut dikenali sebagai hisbah yang bermakna menyeru kepada kebaikan dan menegah kepada segala bentuk kemungkaran (amar ma'ruf wa nahi munkar). Penegasan tentang kewajipan hisbah berdasarkan firman Allah S.W.T yang bermaksud :-

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik,serta melarang daripada segala perkara yang salah. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya” (‘Ali ‘Imran 3:104)

Menurut Amaluddin Abd Rahman (2008) Teori Pemusatan Insan ini ada persamaan dengan Islam di mana manusia secara fitrahnya adalah baik. Manusia dianugerahkan akal untuk membolehkan manusia mencapai hidup yang lebih sempurna. Namun, dalam soal kebebasan mutlak untuk menentukan matlamat hidup manusia seperti yang difahami Rogers, ia bercanggah dengan

Islam kerana pada hakikatnya manusia sebagai ciptaan Allah mempunyai kebebasan yang terbatas dengan tanggungjawab secara perseorangan pada hari akhirat kelak.

Dalam buku *Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling* (2011) menyenaraikan antara sifat kaunselor Muslim ialah ikhlas, bertakwa, perasaan bertanggungjawab individu, berilmu pengetahuan dan terlatih, bersopan santun dan beradab. Hal ini sangat penting untuk kejayaan sesuatu sesi kaunseling. Kaunselor yang berwibawa dan menampilkan sahsiah yang anggun, disamping latar belakang ilmu kaunseling yang mantap di mana ia mampu memimpin sesi kaunseling ke arah matlamat yang dituju.

Dalam Islam, pendekatan yang digunakan adalah berasaskan kepada ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah (s.a.w) dan ia tidak mempunyai teori yang khusus. Manakala teori kaunseling yang dibawa oleh Barat telah memperkenalkan pelbagai bentuk dalam menjalankan proses kaunseling. Menurut Wan Husein@Azmi dalam Kamal (2000:3) menyatakan bahawa kaunseling dari Amerika Syarikat tidak jauh bezanya dengan kaunseling Islam. Oleh sebab itu dalam kajian ini akan menumpukan aspek yang utama iaitu bentuk pendekatan yang digunakan oleh Carl Rogers melalui teori Pemusatan Klien dan menganalisis pendekatan yang digunakan berdasarkan kepada beberapa prinsip Islam.

Personaliti kaunselor yang dinyatakan oleh Rogers sangat memainkan peranan yang penting dalam menjalankan proses kaunseling. Dalam kaunseling Islam, menurut Mohd Noor Saper (2006) dalam Ee Ah Meng (2011),sifat-sifat yang perlu ada pada kaunselor antaranya ialah :-

1. Ikhlas :Niat untuk membantu klien semata-mata kerana Allah S.W.T,untuk memenuhi tuntutan agama dan mencari keredhaan Allah SWT.
2. Bertakwa bertindak sebagai pengawas yang memastikan bahawa proses intervensi yang dilakukan menepati kehendak Allah SWT supaya kaunselor Muslim tidak terjerumus melakukan perkara yang melanggar etika dan adab ketika melakukan sesi kaunseling.
3. Kaunselor Muslim juga perlu menyedari dan memahami setiap perbuatan dan amalannya dalam proses kaunseling akan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT. Hal ini akan menjadi pendorong bagi kaunselor untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan terbaik dan mendapat keredhaan Allah SWT. Ia bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud :-

“.....dan sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang telah kamu kerjakan.”(An-Nahl:93)

4. Berilmu pengetahuan.Kaunselor juga perlu mempunyai dan menguasai ilmu yang berkaitan dengan bidangnya serta melengkapkan dengan kemahiran-kemahiran sebagai seorang kaunselor Muslim.
5. Bersopan santun dan beradab ketika melayan klien merupakan kunci utama untuk menambat hati klien dan meningkatkan kesediaan untuk menjalani sesi kaunseling. Selain itu, akan menambahkan keyakinan dan memudahkan pembinaan hubungan dalam proses kaunseling.

Jika dilihat Teori Pemusatan Insan tidak mempunyai teknik yang spesifik semasa menjalankan proses kaunseling. Ia hanya menumpukan kepada personaliti kaunselor dan tumpuan kepada klien. Dalam Islam, banyak pendekatan yang boleh diaplikasikan antaranya ialah Nasihat. Pendekatan nasihat merupakan antara terkandung dalam khidmat kaunseling Islam yang tidak ada dalam teori Barat. Ia bertujuan untuk memberikan peringatan kepada individu yang berhadapan dengan masalah atau konflik dalam kehidupan. Menurut setengah ahli tafsir menyatakan nasihat membawa dua makna iaitu ;Pertama,memberi rangsangan untuk meninggalkan perkara yang buruk dan yang Kedua ;memberi nasihat secara yang meyakinkan bahawa nasihat yang baik membawa makna nasihat secara halus bukannya dengan maki hamun kerana dengan lemah lembut ia akan membawa kesedaran dan keinsafan kepada seseorang manusia (Kamal:2000)



Dalam hadith Rasulullah juga ada menyebut perkataan nasihat sepertimana yang diriwayatkan oleh Muslim dari Tamim bin 'Aus (r.a) sabda Rasul SAW :-

“Agama itu nasihat, kami berkata;bagi siapa wahai Rasulullah?Baginda menjawab:Bagi Allah dan Kitab-Nya (al-Quran) dan Rasul-Nya (Sunnah-Nya) dan bagi para imam (ketua-ketua kaum Muslim) serta bagi orang ramai bagi mereka”.(Muslim 1955.Kitab al-Iman. Bab Inna al-Din al-Nasihah:237)

Zainab Ismail (2003) menjelaskan bahawa seorang kaunselor yang baik perlu mempunyai personaliti yang baik dan juga memiliki kemahiran perhubungan dalam kaunseling. Menurutnya lagi, dengan adanya kemahiran perhubungan menolong ini, kaunselor sendiri akan merasa dengan perkhidmatan kaunseling yang dikendalikannya. Kemahiran menolong dalam kaunseling menjamin wujudnya kualiti dalam proses yang dijalankan dan dapat memberikan impak positif kepada diri klien.

Daripada pandangan beberapa tokoh dan kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa sifat kaunselor memainkan peranan yang sangat penting semasa menjalankan proses kaunseling. Ia menjadi tunggak utama dalam Teori Pemusatan Insan dan juga dalam kaunseling Islam. Ini disokong dengan kenyataan Abdul Kader (1990:10) antara sifat-sifat yang perlu ada pada kaunselor Islam ialah bersifat lemah lembut, pengasih, penyayang dan merasai permasalahan yang dialami oleh kliennya.

Setiap teori mempunyai kelebihan yang tersendiri dan ia boleh diaplikasikan dalam kaunseling Islam selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip syariat Islam. Apabila diteliti dari perspektif yang utama dalam teori pemusatan insan ialah suatu yang mudah. ia melibatkan unsur menyayangi dan bagaimana cara seseorang individu melayan individu yang lain dengan cara menyayangi. Apabila seseorang individu rasa disayangi akan memudahkan proses kaunseling dijalankan.

Teori Pemusatan Insan ialah antara teori yang unik di mana menekankan kepada keupayaan klien untuk menentukan isu dan menyelesaikan masalah atau konflik yang dihadapi. Teori ini memerlukan kaunselor melayan klien dengan baik dan memberikan respon kepada klien menggunakan prinsip penerimaan tanpa syarat,empati dan kongruen. (Scott&Susan.2008). Kajian ini mendapati bahawa prinsip-prinsip yang utama dalam Teori Pemusatan Insan bersesuaian dengan prinsip Islam. Walaubagaimanapun ada beberapa pandangan Rogers yang tidak boleh dijadikan sebagai panduan kepada kaunselor Muslim contohnya manusia mempunyai kebebasan sepenuhnya. Berbeza dalam Islam yang memberikan limitasi dalam kebebasan seseorang manusia.

## **KESIMPULAN**

Pendekatan teori Pemusatan Insan di dalam proses kaunseling memberikan alternatif kepada kaunselor semasa menjalankan proses kaunseling. Walaubagaimanapun sebagai seorang kaunselor Muslim kita perlu memberikan alternatif yang lebih praktikal dan bersifat keagamaan kepada klien. Hassan Langgulung menyatakan bahawa proses kaunseling Islam merupakan satu proses pengajaran dan pembelajaran psiko-sosial yang berlaku dalam bentuk bersemuka antara kaunselor dan klien. Dalam proses ini diaplikasikan teknik-teknik dan kaedah profesional yang bertujuan menolong klien menyelesaikan masalah, mengenali diri, memahami kebolehan-kebolehan sendiri, menggalakkan klien untuk menerima qada' dan qadar Allah S.W.T serta membuat keputusan berpandukan syariah Allah s.w.t.

Pada masa kini,kaunselor Muslim perlu mengintegrasikan pendekatan teori Barat dan Islam semasa menjalankan proses kaunseling bersama klien. Menurut teori jiwa Imam al-Ghazali, untuk mengubah tingkah laku dan menyelesaikan konflik yang dihadapi apa yang perlu dilakukan ialah membersihkan diri dan mendekati diri kepada Pencipta. Mengintegrasikan ilmu tidak memberikan

sebarang kekurangan tetapi ia akan lebih memantapkan lagi nilai ilmu itu sendiri. Teori Rogers mempunyai kelebihan yang tersendiri dan pendekatan yang diilhamkan boleh dijadikan sebagai panduan kepada kaunselor semasa menjalankan proses kaunseling. Sebagai kaunselor Muslim boleh mengintegrasikan ilmu kaunseling supaya ia memberikan manfaat kepada pelbagai kategori klien.

Teori Pemusatan Insan dihasilkan oleh tokoh yang sangat berpengalaman dan antara tokoh yang terkenal dalam bidang kaunseling. Dalam kaunseling Islam pula pendekatan dan sifat-sifat kaunselor yang ditonjolkan adalah berdasarkan kepada al-Quran dan Hadith. Pandangan mengenai manusia adalah lebih tepat dan jelas dengan bukti-bukti daripada ayat al-Quran. Yang memahami manusia adalah Pencipta dan dengan mengetahui manusia dan sifat yang ada pada makhluk yang bergelar manusia, kaunselor akan lebih dekat dengan klien dan proses kaunseling akan menjadi lebih baik.

## **RUJUKAN**

Amaluddin Abd Rahman.2008.Perkhidmatan Kaunseling Pendekatan Dalam Hikmah Berdakwah.Utusan Publications & Dsitributors Sdn Bhd.Kuala Lumpur.100-101,26-27

Azizi Yahya, Yusof Boon, Jamaluddin Ramli, Jaafar Sidek, Fawziah Yahya & Amir Hamzah Abdul. 2004. Psikologi Sosial. Johor. Universiti Teknologi Malaysia

Colin Feltham.1999.Understanding the Counselling Relationship.SAGE Publication :London

Ee Ah Meng.2011.Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling.Oxford Fajar Sdn. Bhd.Selangor.155-157

Gerald Corey.2009.*Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy*.Thomson Brooks/Cole:Australia:170

Hassan Langgulung.1990. 'Kaunseling dalam masyarakat Islam'.Seminar Kebangsaan Kaunseling dalam masyarakat Islam. YADIM.Kuala Lumpur

Ishamuddin Hj Ismail.1993.Panduan Asas Kaunselor Islam.Selangor:Aras Mega (M).77-78

Janet Tolan & Susan Lendrum. 1995. Case material and role play in counselling training. London : Routledge

James C.Hansen.Richard R.Stevic & Richard W.Warner.1977.Counseling:Theory and Process. Boston: Allyn and Bacon Inc:114

Kamal Abd Manaf.2000.Kaunseling Islam:Satu alternatif baru di Malaysia.Utusan Publication Sdn Bhd:Kuala Lumpur

Mohd.Nasir Omar.2005.Akhlak dan Kaunseling Islam.Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd:Kuala Lumpur :32

Mohd Redzwan Bin Abdul Mutalib, Mohd Hasbi Bin Mohd Yunus & Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor .2008. Panduan Kaunseling Keluarga :Teknik penyampaian pengetahuan mengikut pendekatan Islam.Seminar Kaunseling Keluarga.

Mohamed Sharif Mustaffa.1998.Kaunseling Islam.Jurnal Pendidikan.Universiti Teknologi Malaysia.Jil 4

Othman Mohamed (2005).Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan dalam Kaunseling.Universiti Putra Malaysia.Serdang

Roslee Ahmad & Mohd Sharif Mustaffa.2003.Perbandingan Konsep Manusia Antara Carl Rogers dengan Al Ghazali.Kertas Kerja Konvensyen PERKAMA Ke-XI.Johor Bharu:UITM

Richard Nelson-Jones. 2005. Introduction To Counseling Skills Texts & Activities. Second Edition. London: SAGE Publications.

Sabariah Siron. 2003. Teori kaunseling dalam perhubungan menolong. Petaling Jaya: Prentice Hall

Sabri Abd Rahman.1995.Kaunseling Menurut Pendekatan Wahyu:Seminar Al-Quran dan Isu-Isu Semasa II Peringkat Kebangsaan.Selangor:Universiti Kebangsaan Malaysia:15-16)

Salasiah Hanin Hamjah. 2010. Bimbingan Spiritual Menurut al-Ghazali dan Hubungannya dengan Keberkesanan Kaunseling : Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).Islamiyyat 32.Universiti Kebangsaan Malaysia

Sapora Sipon,Ahmad Jazimin Jusoh & Hapsah Md.Yusof.2003.Kaunseling Individu.Pearson Malaysia Sdn Bhd:Selangor:192

Sapora Sipon & Wan Anor Sulaiman.2002.Pengantar Kaunseling.Selangor:Prentice Hall (Pearson Malaysia Sdn Bhd):2

Sapora Sipon. 2005. Keperluan agama dalam kaunseling. Dalam Prosiding Persidangan Kaunseling Universiti Malaya 2005. Anjuran Jabatan Psikologi Pendidikan Dan Kaunseling Universiti Malaya dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.28-29 September 2005

Scott T.Meier & Susan R.Davis.2008.The Elements Of Counseling.Cengage Learning,Inc.United States of America

Siti Zalikhah Md Nor.2008.Kaunseling Menurut Perspektif Islam. Edisi Kedua Cetakan Pertama.Ampang:Dawama Sdn Bhd

Shadiya Mohamed S.Baqutayan.2011.An Innovative Islamic Counseling.International Journal of Humanities and Social Science.Vol 1.No 2.181

Bruce Shertzer & Shelley C. Stone. 1992. Asas-asas bimbingan. Terj. Amla Salleh& Puteh Mohamed. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa & Pustaka.

Malik Badri. 1994. 'Success with Islamic counseling and psychotherapy'.London:MWH

W.Aeshah Ameiha W.Ahmad,Rohaizan Baru & Mohd Shahril Othman. 2013. *The Spiritual Competence Aspect in Counseling Service*.Global Journal of Human Social Science Art & Humanities.Global Journal Inc. United State of America